## 1.3 Penyataan Masalah

Pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab pada peringkat pengajian tinggi adalah bertujuan untuk melatih pelajar agar dapat menulis dengan baik, di samping mampu meminimumkan kesilapan dalam penulisan. Pelajar juga sepatutnya berupaya untuk membuat rumusan dan laporan terhadap sesuatu peristiwa yang telah mereka dengari, lihat dan baca, selain mampu menulis rumusan berdasarkan bahan bacaan yang telah dibaca (al-Naqah, 1985). Ini bermakna kemahiran ini perlu dikuasai oleh semua pelajar yang berada di institut pengajian tinggi atau pendidikan pada tahap tertiari, termasuk mereka yang berada di IPG.



© COPYRIGHT UPM

Namun begitu, beberapa kajian yang dijalankan terhadap para pelajar IPG menunjukkan keupayaan mereka dalam menulis bahasa Arab masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Para pelajar ini didapati menghadapi kesukaran unuk membina ayat bahasa Arab (Abdul Rahman & Ghazilah, 2016). Mereka turut melakukan kesilapan dalam penulisan huruf Hamzah (Mohd Nazmi, 2009). Malah, kajian Abd Aziz et al. (2015) yang bertujuan untuk mengenal pasti masalah dalam menulis laporan kajian tindakan berbahasa Arab bagi kursus BAMB3173 telah mendapati para pelajar IPG masih menghadapi banyak masalah untuk menulis dengan baik. Kesannya, idea yang ingin diterjemahkan dalam bentuk penulisan terganggu, dan laporan yang dihasilkan pula sukar untuk difahami. Dapatan kajian sebegini membuktikan kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran ini masih berlaku, sekalipun mereka sudah berada pada tahap pendidikan tinggi.

Selain masalah dalam menghasilkan penulisan yang baik, pembelajaran kemahiran menulis juga didapati masih terikat dengan kaedah tradisional; iaitu berfokuskan kepada hasil penulisan tanpa memberi penekanan kepada proses menulis. Akibatnya, perlakuan dan proses prapenulisan karangan pelajar didapati tertumpu kepada penghasilan isi karangan semata-mata. Mereka juga tidak mempunyai strategi khusus untuk menghasilkan, membentuk dan menyampaikan isi karangan (Habibah, 2016). Proses menulis yang melibatkan prinsip literasi; seperti membina pengetahuan, membuat model teks, memupuk kerjasama dan pembelajaran kendiri kurang berlaku hasil daripada pendekatan konvensional yang lebih menekankan kepada bentuk dan hasil tulisan, dan bukannya kepada proses menulis (al-Wasilah, 2006; ‘Abd al-Bari, 2010). Pelajar juga kurang diperuntukkan masa dalam proses penulisan; seperti merancang, menyemak serta menyunting kembali draf penulisan yang dihasilkan (Farhad, 2013). Ini bermakna langkah-langkah yang melibatkan proses dalam menghasilkan sesuatu karangan yang baik tidak mendapat perhatian khusus dalam pembelajaran kemahiran menulis.

Sebenarnya, pelbagai dapatan yang dinyatakan ini menunjukkan kerancakan kajian dalam kemahiran menulis pelajar Malaysia dalam bahasa Arab, namun kajian yang mengambil kira aspek keperluan sebenar pelajar dalam mempelajari bahasa Arab masih terkebelakang berbanding bahasa asing lain di Malaysia. Kebanyakan kajian terdahulu lebih mefokuskan kepada aspek kesalahan pelajar dalam menulis, seperti kajian Khazri dan Siti Esah (2012), Rosni (2012), Noor Anida et al. (2014) Azlan (2013), Mohamad Rofian et al. (2018), termasuk kegagalan pelajar untuk menulis mengikut struktur nahu yang betul (Nazri, Saipolbarin & Zawawi, 2014; Saipolbarin et al., 2016). Sebagaimana dinyatakan oleh Nor Hafizah (2015), kajian yang menjurus terhadap kaedah, strategi dan teknik pembelajaran bagi membantu pelajar menyelesaikan permasalahan dalam penulisan masih lagi kurang dikaji. Justeru, ruang bagi membangunkan modul yang mengambil kira aspek keperluan sebenar pelajar masih terbuka.

Di samping masalah yang berpunca daripada kelemahan pembelajaran pelajar, kajian lepas juga mendapati permasalahan ini turut berpunca daripada modul pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab yang digunakan oleh pelajar.



© COPYRIGHT UPM

Misalnya, Amani (2015) berpendapat bahawa modul bahasa Arab di IPG lebih menjurus kepada modul pembelajaran dalam bilik kuliah sahaja, sedangkan interaksi atau sesi pembelajaran seharusnya merangkumi pembelajaran bersemuka dan juga tidak bersemuka. Ini bermakna modul sedia ada masih kurang menepati aspek pembelajaran kendiri. Sebagaimana yang diketahui umum, sesi pembelajaran tidak bersemuka harus dimanfaatkan oleh pelajar dengan pembelajaran kendiri yang mampu membina dan menggilap potensi diri mereka. Hal ini bersesuaian dengan keperluan pembelajaran abad ke-21 yang menekankan penyertaan aktif pelajar. Penguasaan kemahiran pembelajaran kendiri dan penglibatan secara aktif dalam proses pembelajaran adalah selaras dengan falsafah pembelajaran sepanjang hayat (Ng, 2010). Oleh itu, modul kemahiran menulis yang sesuai bagi pelajar IPG yang bercirikan pembelajaran kendiri merupakan satu keperluan dalam pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab (Sumaiyah et al., 2018b).

Selain itu, modul pembelajaran menulis yang sedang digunapakai di IPG juga agak terhad dan kurang meraikan aspek psikologi pelajar. Walaupun terdapat beberapa modul, seperti Modul *Takwīn Jumal* bagi meningkatkan kemahiran pelajar membina ayat bahasa Arab di IPG Sultan Abdul Halim, namun modul pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab yang menepati keperluan pelajar dalam aspek pembelajaran kendiri masih kurang. Hal ini sokong oleh Mohamad Rofian et al. (2016) yang menyatakan bahawa faktor kurikulum, buku teks atau modul merupakan sebahagian daripada punca kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab. Justeru, bahan pembelajaran seperti modul latihan menulis perlu dipelbagaikan dan diperbanyakkan (Rosni, 2012; Sumaiyah et al., 2018a).

Berdasarkan semua permasalahan yang dinyatakan diatas; iaitu kelemahan pelajar IPG dalam penulisan bahasa Arab, pembelajaran kemahiran menulis yang masih berfokuskan kepada hasil, kekurangan modul dan buku berkaitan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab yang menepati aspek pembelajaran kendiri, modul yang terhad dan kurang meraikan aspek psikologi pelajar, serta kurangnya kajian kemahiran menulis bahasa Arab yang mengambil kira aspek keperluan sebenar pelajar, menjadi kelompangan yang perlu diisi agar isu kelemahan penulisan bahasa Arab dapat diatasi. Justeru, kajian ini dijalankan bagi membangunkan modul pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab yang berasaskan regulasi kendiri dengan menggunakan pendekatan *Design and Developmental Research* atau DDR yang dipelopori oleh Richey & Klein (2007). Modul ini dibangunkan dengan tujuan untuk dijadikan sebagai bahan sokongan pembelajaran kemahiran menulis secara kendiri di IPG dengan mengambil kira aspek keperluan sebenar pelajar.

## 1.4 Objektif Kajian

Bagi membangunkan modul pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab yang berasaskan regulasi kendiri, empat (4) objektif telah digariskan sebagaimana berikut:



© COPYRIGHT UPM

1. Meneroka keperluan modul yang sesuai untuk pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab berasaskan regulasi kendiri pelajar IPG berdasarkan pandangan pensyarah dan pelajar.

2. Mengenalpasti elemen Modul Kemahiran Menulis Bahasa Arab TZ Kitabiy berdasarkan kesepakatan pakar.

3. Membangunkan Modul Kemahiran Menulis Bahasa Arab TZ Kitabiy.

4. Mengenalpasti tahap kebolehgunaan Modul Kemahiran Menulis Bahasa Arab TZ Kitabiy berdasarkan pandangan pelajar.

## 1.5 Soalan Kajian

Menerusi kajian ini, terdapat empat soalan kajian telah digariskan. Soalan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Apakah keperluan modul yang sesuai untuk pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab berasaskan regulasi kendiri pelajar IPG berdasarkan pandangan pensyarah dan pelajar?

2. Apakah elemen kandungan Modul Kemahiran Menulis Bahasa Arab TZ Kitabiy berdasarkan kesepakatan pakar?

3. Bagaimanakah Modul Kemahiran Menulis Bahasa Arab TZ Kitabiy dibangunkan?

4. Apakah tahap kebolehgunaan Modul Kemahiran Menulis Bahasa Arab TZ Kitabiy berdasarkan pandangan pelajar?

## 1.6 Kepentingan Kajian

Pendekatan pembelajaran kendiri selaras dengan hasrat pembelajaran abad ke 21 dan transformasi pendidikan di Malaysia kini semakin menekankan pembelajaran yang berpusatkan pelajar (Ng, Kamariah, et al., 2005). Pembelajaran berasaskan regulasi kendiri bukan sahaja mampu menjadikan pelajar berdisiplin, malah menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran dalam alam pekerjaan kelak. Kajian pembangunan modul kemahiran menulis bahasa Arab berasaskan regulasi kendiri TZ Kitabiy amat signifikan.

Dapatan kajian ini dapat membantu mengenal pasti masalah dan keperluan sebenar pelajar terhadap modul kemahiran menulis seterusnya dijadikan asas untuk merangka elemen modul untuk pelajar pengkhususan bahasa Arab di IPG. Manfaatnya modul ini dapat digunakan sebagai bahan sokongan melancarkan



© COPYRIGHT UPM

pelaksanaan proses pembelajaran kendiri oleh pelajar sewaktu pembelajaran tidak bersemuka. Proses pembelajaran berlaku tanpa terikat dengan tempat dan masa.
Kedua, kajian pembangunan modul TZ Kitabiy bagi kemahiran menulis Bahasa Arab di IPG akan memberi input-input yang dapat mencorakkan kedinamikan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab yang lebih menyeluruh dan mantap. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan dan sumber rujukan kepada pelajar, pensyarah, penyelidik dan semua pihak yang terlibat dalam pendidikan bahasa Arab di IPG dan juga institusi lain.

Ketiga, modul ini juga dapat menjadikan proses pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab lebih menyeronokkan, membantu untuk menulis karangan serta mendorong pelajar untuk menulis. Lebih-lebih lagi tajuk yang dimuatkan dalam modul adalah dekat dengan jiwa dan kehidupan harian pelajar. Oleh yang demikian, pelajar akan mampu menulis berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang sedia ada. Pengintegrasian antara kemahiran berbahasa dan strategi yang mengambil kira aspek psikologi dalam pendidikan ini penting untuk meningkatkan kualiti pembelajaran kemahiran menulis Bahasa Arab.

Keempat, kajian ini dapat memberikan kepelbagaian strategi kepada pelajar dalam menguasai kemahiran menulis Bahasa Arab. Tambahan pula, pelajar mendapat pendedahan aktiviti merancang dan menilai itu merupakan satu sebahagian daripada proses menulis. Hal ini kerana modul ini memberi penekanan terhadap proses mental yang berlaku semasa mengarang berdasarkan model menulis Flower dan Hayes (1980) dan diadun bersama model $S^2R$ oleh Oxford (2011). Pendedahan strategi dalam mempelajari bahasa kedua dengan lebih mendalam akan membantu mereka dalam penguasaan kesemua kemahiran asas bahasa. Secara tidak langsung, ini akan meringankan beban dan tugas pensyarah.

## 1.7 Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Modul Kemahiran Menulis bahasa Arab Berasaskan Regulasi Kendiri yang dikenali sebagai TZ Kitabiy bagi pelajar pengkhususan bahasa Arab di IPG Malaysia, seterusnya menilai kebolehgunaannya. Justeru, kajian yang dijalankan berbentuk penyelidikan reka bentuk dan pembangunan yang melalui beberapa fasa bagi memastikan modul yang terhasil berkualiti dan berkesan. Namun begitu, pengkaji telah membataskan kajian ini kepada beberapa aspek seperti berikut:

Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk dan pembangunan (DDR) dan menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Responden kajian ini hanya terbatas kepada pelajar IPG Pendidikan Bahasa Arab Rendah Ambilan Jun 2018 seramai 47 orang yang terdapat di Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK). Oleh kerana mereka merupakan pelajar pengkhususan bahasa Arab yang telah mengambil beberapa subjek kemahiran berbahasa Arab semasa peringkat



© COPYRIGHT UPM

persediaan dan kini berada pada tahun satu pengajian, maka tahap kemampuan berbahasa mereka adalah berada pada tahap sederhana dan baik.

Penulisan yang dimaksudkan dalam modul ini adalah menulis karangan bahasa Arab peringkat pelajar IPG. Kajian ini bukan bertujuan untuk menilai penguasaan tahap kemahiran menulis pelajar, tetapi ia terbatas untuk memberi pendedahan proses menulis karangan bahasa Arab berdasarkan strategi pembelajaran regulasi kendiri seterusnya pelajar mampu membudayakan strategi ini dalam penulisan mereka. Sebagaimana yang telah dinyatakan terdapat banyak model pembelajaran regulasi kendiri, namun skop kajian ini hanya melibatkan pembelajaran regulasi kendiri $S^2R$ yang diketengahkan oleh Oxford (2011) meliputi dimensi kognitif, afektif, dan sosio-budaya interaktif.

Jenis karangan yang dibina dalam modul ini hanyalah terhad kepada karangan bebas (الإنشاء الحر). Contoh-contoh pola ayat (قوالب) turut diberikan dalam setiap unit pembelajaran bagi memudahkan pelajar membina ayat. Oleh sebab matlamat modul ialah memberi penekanan kepada proses menulis dan pendedahan strategi regulasi kendiri, maka elemen bahasa seperti Balaghah tidak dimasukkan dalam kandungan modul, manakala elemen tatabahasa juga hanya yang melibatkan tatabahasa asas sahaja.

Penilaian akhir kebolehgunaan modul pada fasa ketiga hanya melibatkan ujian kebolehgunaan *(usability test)* bagi mendapatkan persepsi pengguna terhadap modul yang telah dibina. Hal ini dikira bersesuaian dan memadai dengan pendekatan kajian yang menggunakan kajian penyelidikan DDR, maka penyelidikan hanya memberi tumpuan kepada proses reka bentuk dan pembangunan modul.

Kajian ini mengambil pendekatan DDR, justeru kajian eksperimen tidak dijalankan dalam kajian ini kerana fokus utama kajian ialah proses dan prosedur yang dijalankan sepanjang pembinaan modul kemahiran menulis ini. Hal ini kerana proses mereka bentuk dan membangunkan modul itu sendiri dianggap proses yang krtitikal dan kajian DDR lebih menekankan kepada proses yang berlaku sepanjang pembangunan.

## 1.8 Definisi Operasional

Terdapat beberapa terminologi yang digunakan dalam kajian ini dan perlu dijelaskan maknanya oleh pengkaji bagi tujuan pemahaman iaitu Pembangunan Modul, Pembelajaran Regulasi Kendiri, Pelajar Institut Pendidikan Guru, Kemahiran Menulis dan TZ Kitabiy.



© COPYRIGHT UPM

### 1.8.1 Pembangunan Modul

Pembangunan ialah perihal membangun, proses membangun (mencapai kemajuan, perkembangan dsb., usaha atau kegiatan membangun (memajukan dan mengembangkan) menghasilkan bahan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan modul. Isi kandungan pembelajaran yang dibangunkan merangkumi kandungan pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab. Manakala modul pula diberi definisi oleh Bahagian Perancangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2012), sebagai unit bahan kendiri bagi siri aktiviti pembelajaran secara terancang yang direka bentuk bagi membantu penggunanya memperolehi pengetahuan atau kemahiran tertentu berdasarkan objektif yang khusus. Kajian ini bertujuan membangunkan modul pembelajaran kendiri kemahiran menulis bahasa Arab untuk pelajar di IPG. Pembangunan modul dilaksanakan melalui tiga fasa iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk dan pembangunan. Seterusnya ialah fasa pelaksanaan dan penilaian. Pelaksanaan dan penilaian kebolehgunaan modul dilaksanakan bagi menilai tahap kebolehgunaan modul dan kepuasan pengguna.

### 1.8.2 Pembelajaran Regulasi Kendiri (PRK)

Pembelajaran Regulasi Kendiri (PRK) merujuk kepada pemikiran, perasaan, dan tingkah laku sendiri yang dilakukan untuk mencapai matlamat (Zimmerman, 2000). PRK atau dalam bahasa Arab disebut (التعلم المنظم ذاتيا) juga ialah satu proses pembelajaran yang berasaskan diri pelajar yang merujuk kepada kemahiran pelajar menyusun atur pembelajarannya secara efektif bagi mencapai matlamat pembelajarannya (Kannamah, Melisa & Shahizan, 2014). Fokus utama PRK dalam kajian ini adalah elemen strategi kognitif dan metakognitif ketika menjalani proses kemahiran menulis. Pelajar diberi pendedahan strategi PRK seperti merancang, memantau, menyemak dan menilai penulisan seterusnya bagaimana melaksanakannya dalam proses penulisan mereka.

### 1.8.3 Pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG)

Institut Pendidikan Guru (IPG) merupakan pusat latihan di bawah pengurusan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) yang melatih bakal guru pendidikan sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia. Terdapat 27 buah Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK) di seluruh Malaysia. Pelajar yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk kepada guru pelatih PISMP semester satu yang sedang mengikuti latihan perguruan di IPGK. Penggunaan istilah pelajar adalah sesuai dalam konteks kajian pembinaan modul ini.

### 1.8.4 Kemahiran Menulis

Kemahiran menulis atau mengarang merupakan kemahiran berkomunikasi secara produktif yang mampu membantu seseorang mengolah dan meletakkan idea agar dapat berinteraksi untuk memberi mesej melalui bentuk tulisan bermakna (Che

© COPYRIGHT UPM

Radiah, Norhayuza & Mohd. Zaki, 2017). Berdasarkan pandangan Ab. Halim et al., (2010) tujuan pembelajaran kemahiran menulis ialah agar pelajar mampu untuk membina dan mengarang ayat yang kompleks bagi menterjemahkan perkara yang wujud di dalam minda mereka menggunakan perbendaharaan kata yang telah dipelajari sama ada melalui pembacaan teks atau pun kamus. Menulis juga merupakan aktiviti mental yang melibatkan kemampuan berfikir yang tinggi (Che Radiah et al., 2017). Kemahiran menulis dalam konteks kajian ini ialah merujuk kepada kemahiran menulis karangan bahasa Arab bebas sebagai bahasa asing peringkat pelajar IPG.

### 1.8.5 TZ Kitabiy

TZ Kitabiy ialah gabungan tiga perkataan Arab iaitu (تنظيم), (ذاتي) dan (كتابي) yang membawa maksud penulisan berasaskan regulasi kendiri. Jika dirujuk kepada konteks kajian ini, TZ Kitabiy membawa maksud modul pembelajaran penulisan bahasa Arab yang dibina bagi membantu pelajar meningkatkan kemahiran menulis karangan bahasa Arab secara berperingkat menggunakan pendekatan strategi PRK. Modul TZ Kitabiy merupakan integrasi kemahiran menulis dan regulasi kendiri bagi pelajar pengkhususan bahasa Arab. Penghasilan modul pembelajaran kemahiran menulis akan memberi pendedahan penggunaan strategi yang menjadi panduan kepada pelajar bahasa Arab dalam pembelajaran mereka. Strategi yang didedahkan memudahkan pelajar mengatasi masalah kesukaran dan kekeliruan untuk menguasai kemahiran menulis.

## 1.9 Penutup

Bab pengenalan ini merupakan bab yang telah membincangkan penjelasan awal kepada kajian. Perbincangan bab pengenalan merangkumi penyataan tentang latar belakang kajian, penyataan masalah kajian, tujuan dan objektif kajian, soalan kajian, kerangka kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi operasional. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti keperluan modul kemahiran menulis Bahasa Arab, mereka bentuk dan membangunkan modul serta menilai kebolehgunaan Modul ini. Justeru itu, kajian ini menganalisis keperluan pelajar dalam pembelajaran kemahiran menulis bahasa Arab dan seterusnya sebuah modul yang menepati keperluan dan tujuan pembelajaran yang berasaskan teori regulasi kendiri dibangunkan dan dinilai kebolehgunaannya. Bab seterusnya menjelaskan kajian-kajian terdahulu berkaitan kemahiran menulis dan regulasi kendiri.

© COPYRIGHT UPM

# BIBLIOGRAFI


Ab. Halim, M. & Mohd. Azidan, A. J. (2017). Faktor Kesalahan Bahasa yang Mempengaruhi Pelajar Melayu dalam Mempelajari Bahasa Arab. *Jurnal AL-ANWAR*, 1(3), 21-32.

Abd Aziz M., Mohamad Fauzi, Y.,& Balqis, K. (2015). Penggunaan bahasa Arab dalam penyelidikan tindakan di Institut Pendidikan Guru; masalah penulisan dan cara penyelesaian. Dlm *Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL)* (pp. 211-217). Bandar Baru Bangi: Aras Mega Sdn Bhd.

'Abd al-Bari, M. S. (2010). *Al-Mahārāt Al-Kitābiyyah min al-nash'ah ilā al-tadrīs.* Amman, Darul Masirah Linnaysri Wattauzi'.

Abdul Ghani, J. (2016). Tingkah laku dan proses semasa menulis karangan respons terbuka murid berprestasi rendah. *Proceeding of ICECRS (International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA) 1 (2016) 1-8.

Abdul Rahman, A. & Gazilah, M. I. (2016). Meningkatkan kemahiran pelajar membina ayat bahasa Arab menggunakan modul Takwin Jumal. Dlm. *Prosiding IConTALL 2016 Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab dan Sastera Arab kepada Penutur bukan Arab* (pp. 212-218). Kuala Lumpur, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdullah, M. A. K. (2013). Tanmiatu mahārat tashih al-akhta' al-kitābiyah zātiyyan ladā tullāb kulliyyah maārif al-wahyi al-islāmiyyi bistikhdām al-taghdhiyah al-rājiah. *(Majālāt ta'lim al-lughah al-'Arabiyah āfāq mustaqbaliyah).* Series of books in ICALL 2013, 1 (1). IIUM Press, Kuala Lumpur.

Ahmad Fadli, S. (2017). *An integrated software quality model in a fuzzy analytical hierarchy process-based evaluation framework for e-learning software / Ahmad Fadli Saad.* PhD thesis, University of Malaya.

Adler, M. & Ziglio, E. (1996). *Gazing into the oracle: the Delphi method and its application to social policy and public health.* London: Jessica Kingsley Publishers.

Adibah, A. (2018). *Kasyfu Al-Tanzīm Al-Zātī Fī Istrātījiyyatil Qirāah Bi Al-Lughatil Arabiyyah Lin Nātiqīn Bighairihā: Dirāsah Tahlīliyyah*. Tesis Master yang tidak diterbitkan. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Akbari, R., & Yazdanhmer, E,. (2014). A Critical Analysis of the Selection Criteria of Expert Teachers in ELT. *Theory and Practice in Language Studies*, 4(8), 1653-1658.

Al-Aisy, A. & Marghini, K. (2015). *Al Ta'allum Munazzim Dhatiyyan Wa Alāqatuhu bi Al Dāfi'iyyah Li Al Ta'allum Ladā Al Tolib Al Jāmi'iy*. Master Thesis. University Al Wadi, Saudi Arabia.

Alharthi, K. (2011). *The impact of writing strategies on the written product of EFL Saudi male students at king Abdul-Aziz University.* Unpublished PhD.




© COPYRIGHT UPM

Alidmat, A. O, H.,& Ayassrah, M. A. (2017). Development of Critical Thinking Skills through Writing Tasks: Challenges Facing Maritime English Students at Aqaba College, AlBalqa Applied University, Jordan. *International Journal of Higher Education.* 6(3): 82-90.

Alijah, U. (2016). *Pembangunan Modul Pembelajaran Webquest Pendidikan Kesihatan untuk Guru Pelatih Murid Bermasalah Pembelajaran*. Tesis Doktor Falsafah Yang Tidak Diterbitkan. Universiti Malaya.

Aliza, A. (2016). Pembangunan dan Kebolehgunaan Modul Berasaskan Bermain bagi Pembelajaran Kemahiran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.* 6 (1): 16-29.

Anderton, Betsy. (2006). Using the online course to promote self-regulated learning strategies in preservice teachers. *Journal of Interactive Online Learning*, 5(2), 156-177.

Aliza, A. (2016). *Pembangunan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Bermain bagi Kemahiran Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Amani, D@D. (2014). *Pembangunan modul m-pembelajaran Bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

Ankur, J., Saket, K., Satish, C. & D. K. Pal. (2015). Likert Scale: Explored and Explained. *British Journal of Applied Science & Technology* 7(4): 396-403.

Aregu, B. B. (2011). *Promoting Self–Regulated Learning In Writing Classes: Effects On Self-Beliefs And Performances*. Disertasi Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Addis Ababa.

Arnieyuzi, M. A. & Ruhizan, M. Y. (2014). Strategi pembelajaran regulasi kendiri dalam meningkatkan pencapaian subjek Sains: Kajian meta analisis. *Paper Proceeding in The 4th International Conference on Learner Diversity* (ICELD 2014): 17-25.

Ashafizrol, A. H. (2016). *Binaan Ayat Bahasa Arab*. Alasfiaa Sdn. Bhd. Kedah, Public Press Sdn. Bhd.

'Atif Fadl, M. (2012). *Al Tahrīr Al Kitābī Al Wazīfī Al-Ibdāie.* Dar Masirah Li Annasyr Wa Attawzi' Wa al-tiba'ah. Amman. Jordan.

Aziyun, O. (2012. Penulisan Hamzah Dalam Kalangan Murid Dan Guru Bahasa Arab: Satu Tinjauan. Dlm. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*. Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Azizah, M. Z. (2012). *Self-regulation in English language learning: case studies of six Malaysian Undergraduates*. Unpublished thesis Ph.D. Victoria University of Wellington.

Azlan, S. B. (2013). *Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Berformat dalam Kalangan Pelajar Pengkhususan Bahasa Arab di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia.* Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.



© COPYRIGHT UPM

Azlan, S. B. & Rosni, S. (2015). Persepsi Pelajar Universiti Awam terhadap Kesalahan Bahasa Arab, Faktor Penyumbang dan Implikasi. *Sains Humanika*, *6* (1): 35-42.

Babbie, E. (2007). *The practice of social research* (11th ed.). Belmont, CA: Wadsworth/Thomson.

Bail, F. T., Zhang, S., & Tachiyama, G. T. (2008). Effects of a self-regulated learning course on the academic performance and graduation rate of college students in an academic support program. *Journal of College Reading and Learning.* 39 (1): 54-72.

Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice- Hall, Inc.

Bereiter, C., & Scardamalia, M. (1987). *The psychology of written composition*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.

Berliner, D. C. (1994). Expertise: The wonder of exemplary perfoemances. In J. N. Mangieri & C. C. Blocks (eds.), *Creating powerful thinking in teachers and students*. Diverse perspectives. Fourth Worth, Tex: Harcourt Brace College, (pp 161-186).

Berliner, D. C. (1987): "In Pursuit Of The Expert Pedagogue". *Educational Researcher*, 15, 5-13.

Berliner, D. C. (2001). Learning about and learning from expert teachers. *International Journal Of Educational Research, 35*, 463-482.

Bojadziev, G., & Bojadziev, M. (2007). *Fuzzy Logic For Business, Finance, And Management* (2nd ed.). London: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.

Boekaerts M. (2011). "Emotions, emotion regulation, and self-regulation of learning," in *Handbook of Self-Regulation of Learning and Performance* eds Zimmerman B. J., Schunk D. H., editors. (New York, NY: Routledge; ) 408–425.

Branch, R. M. 2009. *Instructional design: The ADDIE approach*. New York: Springer.

Buku Panduan Akademik Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian (PISMP) Sesi 2017/2018. (2017). Pusat Pembangunan Akademik. Institut Pendidikan Guru Malaysia. Cyberjaya.

Chamot, A. U., Barnhardt, S., El-Dinary, P. B., & Robbins, J. (1999). The *learning strategies handbook*. White Plains, NY: Addison Wesley Longman.

Chamot, A. U. (2014). *Developing self regulated learning in the language classroom . In Proceedings of CLaSIC 2014.* Paper presented at the sixth CLS international conference CLaSIC 2014 (pp. 78-88). Singapore.

Chang, P. L., Hsu, C. W. & Chang, P.C. (2011). Fuzzy Delphi method for evaluating hydrogen production. *International Journal of Hydrogen Energy*. 36, 4172-14179.

Chang, P. T., Huang, L. C., & Lin, H. J. (2000). The fuzzy delphi method via fuzzystatistics and membership function fitting and an application to the human resources. *Fuzzy Sets and Systems*, 112 (3), 511-520.



© COPYRIGHT UPM

Che Radiah, M. (2006). *Analisis Kesilapan Leksikal dalam Karangan Bahasa Arab*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Che Radiah, M., Norhayuza, M & Mohd Zaki, A. R. (2017). *Kemahiran Mengarang Bahasa Arab. Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*. Serdang: Penerbit UPM Press.

Chien, S. C. (2008). A cognitive analysis of the relationships between Chinese EFL writers' strategy use and writing achievement performance. *Cambridge Occasional Papers in Linguistics Proceedings*, 3 (4): 44-61.

Chua, Y. P. (2011). *Kaedah Penyelidikan.* Kuala Lumpur: Mc Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Cohen, A. D. (2011). *Strategies in Learning and Using A Second Language (2nd Ed.)*. New York, NY: Routledge.

Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2013). *Research Methods in Education.* Routledge.

Colborn, N. W. (2011). Introduction to Instructional Design: A Brief Primer. *Indiana Libraries, 30*(1): 15-19.

Creswell, J. W. (2014). *Research: Qualitative, Quantitative, and Mixed Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.

De Silva, R. & Graham, S. (2015). The effects of strategy instruction on writing strategy use for students of different proficiency levels. *System*, 53. pp. 47-59.

Devine, J. (1993). The role of metacognition in second language reading and writing. In J. G. Carson & I. Leki (Eds.). *Reading in the composition classroom: Second language perspectives* (pp. 105-127). Boston: Heinle and Heinle.

DeWitt, D. (2010). *Development of a collaborative Learning module on nutrition for Form 2 students.* Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Dick, W. & Carey, L. (2009). *The Systematic Design of Instruction,* 7 th Edition. NewYork: Allyn & Bacon.

Dörnyei, Z. (2005). *The Psychology of the Language Learner: Individual Differences in Second Language Acquisition.* Lawrence Erlbaum Associates Publishers.

Eeman, Bouqfat. (2016). *Al-kafāah al-dhātiyyah al-akādīmiyyah wa istrātījiyyāt al-ta'allum al-munazzim dhatiyyan ladā al-murahiqīn zawī su'ūbāt al-ta'allum wal-aswiyā'.* Tesis Master. Universiti Setife2, Algeria.

Efklides, A. (2011). Interactions of metacognition with motivation and affect in self-regulated learning: the MASRL model. *Educ. Psychol.* 46 6–25

E. Panadero. (2017). A Review of Self-regulated Learning: Six Models and Four Directions for Research. *Frontiers in psychology*. 8, 22.

Etemadzadeha, A., Seifi S., & Roohbakhsh Far, H. (2013). The role of questioning technique in developing thinking skills: The ongoing effect on writing skill. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 70, 1024-1031.



© COPYRIGHT UPM

Fakhruddin, K. (2011). *Menentukan Kesahan dan Kebolehpercayaan MSLQ Versi Bahasa Melayu dalam Mengukur Tahap Motivasi dan Pembelajaran Regulasi Kendiri.* Tesis Master yang tidak diterbitkan. Universiti Pendidikan Sultan Idris Shah.

Farhad, F. S. (2013). *Iranian Efl Learners' Writing Ability And Writing Strategies In Two Discourse Types.* Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

Flavell, J. H. (1979). Metacognition and cognitive monitoring: A new area of cognitive- developmental inquiry. *American Psychologist*, 34, 906-911.

Flower, L., & Hayes, J. (1980). A Cognitive Process Theory of Writing. *College Composition and Communication.* 32(4), 365-387.

Fraenkel, J.R., and Wallen, N.E and Hyun, H. (2019). How to Design and Evaluate Research in Education 10th Edition. USA : Mc. Fraw-Hill Inc.

Gazilah, M.I. (2011). Pembinaan dan penilaian modul pengajaran pola ayat Bahasa Arab. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.

Gay, L. R., & Airasian, P. (2003). *Educational research: competencies for analysis and application* (7th ed.). Ohio: Merrill Prentice Hall.

Ghazali, D. & Sufean, H. (2018). *Metodologi Penyelidikan Dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Penerbit UM: Kuala Lumpur.

Gordon, L. (2008). Writing and good language learners. In C. Griffiths (Ed.), Lessons from good language learners (pp. 244-254). Cambridge: Cambridge University Press.

Graham, S., & Harris, K. R. (2000). The role of self-regulation and transcrUAion skills in writing and writing developments. *Educational Psychologist*, 35(1), 3-12.

Graham, S., & Harris, K. R. (2005). Writing better: Teaching writing processes and self-regulation to students with learning problems. Baltimore: Brookes.

Graham, S. (2006). Writing. In P. Alexander & P. Winne (Eds.), *Handbook pf educational psychology* (2nd ed., pp 457-478). Mahwah, NJ: Erlbaum.

Graham, S., Gillespie, A., & McKeown, D. .(2013). *Writing: importance, development, and instruction. Reading and Writing*, 26(1), 1-15.

Graham, S., MacArthur, C., & Fitzgerald, J. (2013). *Best practices in writing instruction* (2nd ed.). New York: Guilford Press.

Gustafson, K. L., & Branch, R. M. (2002). What is instructional design? In Reiser, R. A. & Dempsey, J. V. (Ed"s) *Trends and Issues in Instructional Design and Technology*. Columbus: Merril Prentice Hall.

Habibah, M. R. (2016). *Amalan Pentaksiran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Insya' Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).* Tesis Doktor Falsafah yang Tidak Diterbitkan. Fakulti Pendidikan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Habibah @ Artinie, R. (2017). *Ciri-ciri Guru Pendidikan Islam Profesional (GPI) berasaskan Riadhah Ruhiyyah.* Tesis Doktor Falsafah yang Tidak Diterbitkan. Fakulti Pendidikan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya



© COPYRIGHT UPM

Hadwin A. F., Järvelä S., Miller M. (in press). "Self-regulation, co-regulation and shared regulation in collaborative learning environments," in *Handbook occvcf Self-Regulation of Learning and Performance* eds Schunk D. H., Greene J. A., editors. (New York, NY: Routledge;

Hamilton, Charles. (2018). The effects of peer revision on student writing performance in a Middle school ELA classroom. *Proquest Dissertation Publishing.* University of South California.

Harris. K. R. (1982). Cognitive-behaviour modification: Application with exceptional students. *Focus on Exconceptional Children,* 15 (2): 1-16.

Harris, K. R., Graham, S., Mason, L., & Friedlander, B. (2008). *Powerful writing strategies for all students.* Baltimore: Brookes.

Harris, K., Graham, S., MacArthur, C., Reid, R., & Mason, L. (2011). Self-regulated learning processes and children's writing. In B. J. Zimmerman & D. H. Schunk (Eds.), *Handbook of self-regulation of learning and performance* (pp. 187-202). New York: Routledge.

Harris, K. R., Santangelo, T., & Graham, S. (2010). Metacognition and strategies instruction in writing. In H. S. Waters & W. Schneider (Eds.), *Metacognition, strategy use, and instruction* (pp. 226–256). New York, NY: Guilford Press.

Harris, K. R.Lane, K. L.Graham, S.Driscoll, S. A.Sandmel, K.Brindle, M.Schatschneider, C. (2013). Practice-Based Professional Development for Self-Regulated Strategies Development in Writing: A Randomized Controlled Study. *Journal of Teacher Education.*

Hayes, J. (2012). Modeling and remodeling writing. *Written Communication, 29*(3): 369–388

Hayes, J. R., & Flower, L. S. (1980). Identifying the organisation of writing processes. In L. W. Gregg & E. R. Steinberg, *Cognitive processes in writing* (pp. 3-30). Hillsdale, NJ: Erlbaum.

Heinich, R., Molenda, M., Russell, J.D., & Smaldino (1999). *Instructional media and technologies for learning (6th ed.).* Upper Saddle River, NJ: Prentice H

